

26 DEC 1996

Tebusan - Peru

PEGAWAI KEDUTAAN MALAYSIA DI LIMA TINGKATKAN USAHA

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Para pegawai Malaysia di Lima telah mempertingkatkan usaha bagi mendapatkan pembebasan segera Duta Malaysia Ahmad Mokhtar Selat yang merupakan antara lebih seratus tebusan yang ditahan oleh gerila-gerila berhaluan kiri.

Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain, yang bertanggungjawab sementara bagi pengendalian kedutaan di Peru berkata beliau dan para pegawai kedutaan berusaha keras bagi mendapatkan pembebasan segera Ahmad Mokhtar.

"Kami berharap beliau dibebaskan secepat mungkin," kata Zainal Abidin kepada pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar semasa diwawancara melalui rancangan "Malaysia Hari Ini" terbitan TV3 hari ini.

Ahmad Mokhtar ialah antara beratus-ratus tetamu yang ditahan sebagai tebusan oleh gerila-gerila dari Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) di kediaman duta Jepun di Lima pada 17 Dis lepas.

Kenji Hirata, setiausaha pertama Kedutaan Jepun di Lima, ialah tebusan terbaru yang dibebaskan oleh gerila. Beliau dibebaskan pada pukul 5 petang waktu tempatan (4 pagi waktu Malaysia hari ini) atas sebab-sebab kesihatan.

Zainal Abidin, ketika dihubungi di Lima hari ini berkata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang berlepas ke Lima untuk misi khas atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di Lima pukul 1.30 pagi waktu tempatan (2.30 petang waktu Malaysia hari ini).

Usaha telah dibuat bagi Abdullah menemui Presiden Peru Alberto Fujimori dan menteri Peru yang lain untuk berbincang mengenai krisis tebusan terutama bagi meningkatkan usaha untuk pembebasan segera Ahmad Mokhtar dengan selamat.

Zainal Abidin berkata Abdullah dijangka berada di ibu negara Peru itu selama dua atau tiga hari.

Kira-kira 20 pegawai Kementerian Luar Peru termasuk Menteri Luar Francisco Tudela ialah antara 104 tebusan yang masih ditahan. -- BERNAMA
ES RV CTL FAZ